

# UKKM muncul universiti khas keusahawanan dan koperasi terawal ASEAN

oleh RAIHAM MOHD SANUSI 11 April 2023 10:42pm **Masa membaca: 3 minit**



Ewon (barisan dua dari depan, lima dari kiri) dan Mohd Ali (barisan dua dari depan, lima dari kanan) bergambar bersama anak-anak yatim dan peserta Bicara Ilmu Ramadan pada Selasa.

PETALING JAYA - Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) kendalian Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang dijadualkan beroperasi Julai ini bakal muncul sebagai antara universiti khas keusahawanan dan koperasi terawal di ASEAN.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick berkata, penubuhan universiti itu pastinya akan menarik minat para pelajar di rantau Asia terutama dari negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei dan Filipina untuk mendapatkan pendidikan di universiti tersebut.

Katanya, IKMa juga telah mengambil tindakan proaktif mewujudkan jalinan kerjasama strategik dengan universiti pengurusan koperasi di Indonesia iaitu Universiti IKOPIN pada 15 Februari lalu.

"Antara skop jalinan strategik yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak ialah pertukaran kepakaran dalam pembangunan dan pendidikan koperasi, program mobiliti pelajar iaitu pertukaran pelajar dalam bidang koperasi antara IKMa, UKKM dan IKOPIN serta melaksanakan kerjasama dalam latihan dan penyelidikan bidang koperasi.

"Signifikannya, UKKM menyasarkan IKOPIN menghantar pelajar ke UKKM menjelang 2024 setelah semua fasiliti atau infrastruktur universiti ini lengkap sepenuhnya.

"Terkini saya difahamkan, IKMa turut melaksanakan inisiatif awal mengadakan kerjasama dengan Universiti Riau Indonesia. Kedua-dua pihak telah pun menandatangani surat niat dan akan memeterai perjanjian pada September atau Oktober 2023," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program Bicara Ilmu Ramadan: Melabur Tanpa Waswas dan Majlis Berbuka Puasa anjuran Institut Koperasi Malaysia (IKMa) di IKMa di sini, pada Selasa.